

MAKLUMAT DAN SOALAN LAZIM

- Apakah pembayaran Zakat secara dalam talian (“Zakat Online”)?
 - Zakat Online adalah platform yang membolehkan awda membayar Zakat melalui Perbankan Dalam Talian (*Online Banking*).
- Adakah pembayaran Zakat secara dalam talian (*online*) sah dan bertepatan dengan hukum Syara’?
 - Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui siri Fatwa (16/2020) Bil. 24-1/2/5Ej(2) bertarikh 18 Syawal 1441H bersamaan dengan 10 Jun 2020 telah menyatakan bahawa pembayaran Zakat Harta dan Fitrah secara dalam talian adalah harus dan sah kerana ia memenuhi tatacara yang ditetapkan oleh Syara’ dalam pembayaran zakat.
- Siapakah yang boleh menggunakan Zakat Online?
 - Zakat Online adalah terbuka kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam.
- Bilakah saya boleh menggunakan Zakat Online?
 - Zakat Online bagi pembayaran Zakat Fitrah bermula pada 01 Ramadhan 1445H dan berakhir pada 28 Ramadhan 1445H (sebelum waktu Maghrib).
- Perlukah saya mendaftar untuk menggunakan Zakat Online?
 - Pada masa ini Zakat Online hanya boleh digunakan oleh pelanggan Perbadanan TAIB dan mereka yang telah mendaftar bagi Perbankan Dalam Talian (*Online Banking*) sahaja. (www.taib.com.bn)
- Apakah kategori untuk pembayaran Zakat Fitrah?
 - Pembayar Zakat Fitrah
 - Pembayar Zakat Fitrah dan tanggungannya
 - Orang yang berwakil (*Muwakkil*)
 - Orang yang berwakil (*Muwakkil*) dan tanggungannya
- Apakah syarat bagi membuat pembayaran Zakat Online?
 - Beragama Islam
 - Pembayar Zakat Fitrah, orang yang berwakil (*Muwakkil*) dan tanggungannya mestilah berada di Negara Brunei Darussalam
 - Pembayaran Zakat Fitrah tidak boleh dibuat dengan cara berhutang
- Bagaimanakah cara untuk membuat pembayaran Zakat Online?
 - Awda boleh membuat pembayaran melalui akaun Perbadanan TAIB awda yang sedia ada.
- Kenapakah pembayaran Zakat Fitrah saya tidak berjaya?
 - Akaun Perbadanan TAIB awda mungkin tidak mempunyai baki yang mencukupi.
- Bagaimanakah saya hendak melafazkan niat Zakat Fitrah apabila menggunakan Zakat Online?
 - Pembayar Zakat Fitrah mestilah melafazkan niat Zakat Fitrah sebelum menekan butang “Bayar” pada laman pembayaran Zakat Fitrah.